

19 DEC 2002

Raya-Keselamatan

POLIS PERTINGKAT KAWALAN SEMPENA RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KEBANGSAAN

ALOR STAR, 19 Dis (Bernama) -- Polis akan mempertingkatkan kawalan sempena majlis rumah terbuka Aidilfitri kebangsaan di Taman Tasik Bandar Darulaman Jitra Sabtu ini bagi memastikan keselamatan semua tetamu.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata orang ramai yang ingin hadir ke majlis itu tidak perlu bimbang kerana kawalan keselamatan itu bukan bertujuan menyusahkan pergerakan mereka sebaliknya bagi memastikan majlis itu berjalan lancar.

"Polis telah memberi jaminan bahawa mereka telah mengambil segala langkah keselamatan supaya tidak berlaku kejadian yang tidak diinginkan," katanya kepada pemberita selepas jamuan Aidilfitri anjuran Badan Kebajikan Islam di Wisma Persekutuan di sini hari ini.

Beliau menasihatkan orang ramai datang awal bagi mengelak kesesakan lalu lintas.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Sultan Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin-pemimpin negara akan hadir pada majlis itu.

Selain itu, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra dan beberapa menteri Kabinet serta kira-kira 10,000 rakyat negara itu juga akan hadir pada majlis berkenaan.

Syed Razak juga berkata majlis rumah terbuka itu merupakan satu penghargaan dan sejarah kepada negeri Kedah.

"Inilah kali pertama majlis sebesar itu diadakan di negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

IAW MZM RHM